

Untuk Siaran Segera



PR1MA LANCAR JELAJAH ASPIRASI #PR1MAKITA SEMPENA BULAN KEBANGSAAN

Aspirasi #PR1MAKita galak semangat perpaduan dalam komuniti PR1MA

KUALA LUMPUR, 27 OGOS – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang merupakan agensi perumahan utama di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melancarkan program Jelajah Aspirasi #PR1MAKita untuk terus mengeratkan hubungan perpaduan antara penduduk Residensi PR1MA serta memupuk suasana komuniti yang harmoni, sejahtera dan madani untuk rakyat Malaysia.

Pelancaran Jelajah Aspirasi #PR1MAKita Edisi Merdeka merupakan program yang pertama disambut bersempena Bulan Kebangsaan. Program ini telah berlangsung di Residensi Alam Damai, Cheras, Kuala Lumpur, di mana terdapat pelbagai aktiviti telah dijalankan bertujuan untuk menyuburkan semangat patriotisme dan pemeraksanaan komuniti di residensi tersebut.

Menurut Encik Khalid bin Ramli, Ketua Pegawai Kewangan PR1MA, “Bagi memformulasi pengisian program yang berimpak tinggi, PR1MA turut menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Dalam Negeri (KDN). Ini termasuk program kesedaran keselamatan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Polis DiRaja Malaysia (PDRM), dan program kesedaran kitar semula oleh SW Corp.”

Siri jelajah ini akan diikuti dengan Edisi Hari Malaysia di Wilayah Selatan pada Hari Malaysia bersamaan 16 September 2023, dan akan berakhir dengan Edisi Bulan Sukan Negara di Wilayah Utara pada 14 Oktober 2023.

“Program Jelajah ini memainkan peranan penting dalam aspirasi komuniti PR1MA. Ia mengukuhkan komitmen kami dalam membangunkan projek kediaman yang bukan sahaja berkualiti, tetapi juga membina hubungan yang kukuh dan masyarakat yang sejahtera. Ini adalah peluang kami untuk mendengar, memahami, dan menyelami sentimen masyarakat terhadap projek-projek yang dibangunkan oleh PR1MA”, kata Encik Khalid lagi di Majlis Pelancaran Jelajah Aspirasi #PR1MAKita.

Selari dengan matlamat Dasar Komuniti Negara, program ini merupakan sebahagian daripada Aspirasi #PR1MAKita bagi mewujudkan masyarakat yang inklusif, harmoni dan lestari untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan kehidupan komuniti PR1MA. Program ini dilaksanakan menerusi 5 teras komuniti PR1MA iaitu Sihat (Inisiatif Kesejahteraan Komuniti), Saku (Inisiatif Sosioekonomi), Sayang (Inisiatif

Pembangunan Sosial), Selamat (Inisiatif Keselamatan Awam) dan Suasana (Inisiatif Tindakan Iklim). Komuniti seperti ini akan mewujudkan suasana yang kondusif untuk semua penduduk agar mereka dapat memupuk hubungan silaturahim yang erat antara satu sama lain.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di www.pr1ma.my atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada hari umum di Negeri Selangor) atau emel kepada info@pr1ma.my.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman mampu milik berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Perspective Strategies

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

PR1MA

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)